

01 DEC 2000

Mahathir-Lunas

TAKTIK KOTOR DAN CARA SAMSENG ANTARA FAKTOR KEKALAHAN BN DI LUNAS

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penggunaan taktik kotor dan cara samseng oleh parti pembangkang merupakan antara faktor kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil dewan undangan negeri Kedah kawasan Lunas dua hari lepas.

Katanya, pembangkang menggunakan pelbagai bentuk penipuan dan bertindak samseng untuk menakutkan-nakutkan pengundi di Lunas dan perayu-perayu undi BN, termasuk golongan wanita.

Perdana Menteri berkata, beliau bimbang jika inilah cara parti pembangkang berkempen, negara tidak akan aman lagi.

"Sepatutnya mereka rela menghadapi pilihan raya dengan cara tenteram dan berhujah kenapa rakyat perlu memilih mereka," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata memang terdapat sebab bagi meminta Akta Pilihanraya seperti yang dicadangkan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu memandangkan ada teori pembangkang kononnya polis tidak akan mengambil tindakan jika beribu atau berpuluh-puluh ribu orang melanggar undang-undang.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata parti pembangkang membawa masuk berpuluh-puluh ribu orang penyokong dari luar Lunas dan terdapat hampir 120,000 pada malam pengundian dan waktu-waktu lain kurang dari 100,000 orang.

"Ini bermakna mereka membawa orang luar masuk ke situ dan kita tak tahu sama ada terlibat dengan undi hantu ataupun tidak. Sebaliknya mereka menahan orang BN yang pergi ke situ bukan untuk mengundi tetapi membantu pekerja-pekerja kita di sana," katanya.

Dr Mahathir berkata sebanyak 12 bas yang membawa pekerja BN ditahan oleh penyokong parti lawan dan kad pengenalan mereka dirampas walaupun ia menyalahi undang-undang.

Katanya, BN tidak pernah berbuat demikian dan ia akan mengkaji sama ada tindakan undang-undang boleh diambil.

"Tapi bila kita ambil tindakan undang-undang, mereka akan kata kita zalim dan akan merayu penyokong-penyokong mereka di luar negeri dan media asing untuk berkata kita zalim kerana mengambil tindakan terhadap mereka," katanya.

Pilihan raya kecil itu dimenangi calon Keadilan Saifuddin Nasution Ismail dengan majoriti 530 undi. Saifuddin memperolehi 10,511 undi, calon BN S.Anthonysamy 9,981 undi dan seorang calon bebas N. Letchumanan mendapat 50 undi.

Selain itu, pembangkang juga menggunakan isu agama, kononnya orang Islam tidak boleh mengundi calon bukan Islam serta menggunakan poster Anthonysamy seolah-olah berpakaian paderi.

"Ini muka calon BN tetapi badan orang lain...ini teknologi baru, boleh lekatkan badan pada orang lain. Ini penipuan oleh parti yang hendak menubuhkan kerajaan yang adil," kata beliau sambil menunjukkan poster itu.

Selain itu, pelbagai penipuan lain termasuk kononnya beliau membawa masuk orang Yahudi dan surat kepada bekas Perdana Menteri Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang konon ditulis oleh beliau turut disebarkan semasa pilihan raya itu.

"Tak lama lagi mereka akan letak gambar bogel saya menggunakan komputer. Semua ini penipuan belaka, malangnya pengundi terpengaruh," katanya.

Dr Mahathir berkata, Majlis Tertinggi membincangkan dengan panjang lebar kekalahan itu dan post-mortem yang dibuat juga menunjukkan adanya kelemahan Umno sendiri.

Selain itu, pembangkang juga menggunakan isu agama, kononnya orang Islam tidak boleh mengundi calon bukan Islam serta menggunakan poster Anthonysamy seolah-olah berpakaian paderi.

"Ini muka calon BN tetapi badan orang lain...ini teknologi baru, boleh lekatkan badan pada orang lain. Ini penipuan oleh parti yang hendak menubuhkan kerajaan yang adil," kata beliau sambil menunjukkan poster itu.

Selain itu, pelbagai penipuan lain termasuk kononnya beliau membawa masuk orang Yahudi dan surat kepada bekas Perdana Menteri Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang konon ditulis oleh beliau turut disebarakan semasa pilihan raya itu.

"Tak lama lagi mereka akan letak gambar bogel saya menggunakan komputer. Semua ini penipuan belaka, malangnya pengundi terpengaruh," katanya.

Dr Mahathir berkata, Majlis Tertinggi membincangkan dengan panjang lebar kekalahan itu dan post-mortem yang dibuat juga menunjukkan adanya kelemahan Umno sendiri.

Dr Mahathir berkata terdapat banyak kelemahan dalam Umno yang menyumbang kepada kekalahan itu dan beliau tidak menafikannya.

"Tetapi kita tidak boleh dedahkan," katanya.

Sebaliknya, beliau berkata, BN memperoleh sokongan yang lebih berbanding pilihan raya umum lepas tetapi tewas kerana undi yang diperolehi Saifuddin melebihi BN.

Katanya, Umno juga telah menentukan cara-cara untuk memulihkan pengaruhnya bukan sahaja di Lunas tetapi juga di tempat-tempat lain dan berharap rakyat dapat diberitahu oleh media tentang penipuan pembangkang.

Ketika ditanya sama ada pada mesyuarat hari ini, anggota MT Datuk Shahrir Samad ada mengulangi kenyataannya di Malaysiakini.com semalam, Dr Mahathir berkata itu kenyataan peribadi Shahrir tetapi enggan mendedahkan jika ia ada dibincangkan.

Shahrir dilaporkan sebagai berkata bahawa beberapa kenyataan Dr Mahathir baru-baru ini dan penggunaan poster beliau di Lunas menyumbang kepada kekalahan itu.

"Ia tidak menikam diri sendiri, memang baik untuk menggunakan poster saya. Kita telah memenangi beratus pilihan raya lain bersama poster saya. Sebelum itu, apabila Tunku Abdul Rahman menjadi presiden Umno, kita menggunakan posternya dan kita menang," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AR AR FAZ